

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS PENUTUP PERSIDANGAN KELIMA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA DAN SURUHANJAYA-SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI
Lokasi : PAHANG
Tarikh : 18-09-1997

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya dapat kita berhimpun di Majlis Penutup Persidangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Yang Kelima ini. Saya juga merakamkan rasa terima kasih kepada Y. Bhg. Tan Sri Mahmud bin Taib, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia kerana telah sudi mengundang saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Penutupan Persidangan ini.

2. Setelah beberapa hari membincangkan isu-isu berkaitan dengan bidang tugas dan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, saya percaya para peserta persidangan ini telah banyak mendapat idea-idea baru serta memahami pelbagai pendekatan baru yang perlu diambil dalam usaha melengkapkan Perkhidmatan Awam dengan pegawai-pegawai yang berkaliber menjelang alaf baru.

3. Semenjak negara mencapai kemerdekaan, Perkhidmatan Awam merupakan nadi penggerak kepada proses pembangunan masyarakat dan ekonomi negara. Perkhidmatan Awam telah mempamerkan prestasi yang cemerlang dan membuktikan keupayaannya melalui pelaksanaan rancangan pembangunan secara berkesan. Kejayaan ini membuktikan wujudnya komitmen yang tinggi dari pegawai-pegawai Kerajaan serta pengurusan sumber kewangan dan sumber tenaga manusia yang baik. Kejayaan ini juga membuktikan keupayaan Perkhidmatan Awam kita menyesuaikan diri dengan peredaran zaman. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini perubahan yang kita alami bergerak begitu pantas dan kencang hingga kewibawaan Perkhidmatan Awam turut tercabar. Proses globalisasi yang menjurus kepada dunia tanpa sempadan atau 'borderless world' serta perkembangan teknologi maklumat telah mempengaruhi persekitaran kerja dan memaksa pegawai-pegawai menukar paradigma dan cara menjalankan tugas.

Perkhidmatan Awam yang mempunyai pegawai-pegawai yang tidak sanggup menerima 'paradigm shift' dan bergerak selaras dengan kehendak era globalisasi ini, sudah pasti akan ketinggalan zaman dan hilang relevannya kepada masyarakat. Sesungguhnya keupayaan setiap anggota awam menerima perubahan dan menyesuaikan diri dengan persekitaran baru memerlukan komitmen yang cukup tinggi dan rasa tanggungjawab yang tidak berbelah bagi terhadap kemajuan dan kemakmuran negara. Memilih individu-individu yang mempunyai sifat-sifat demikian bukanlah mudah, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang di mana godaan dan tarikan dari sektor swasta amat kuat sekali. Di sinilah letaknya cabaran kepada ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam iaitu menarik dan memilih calon-calon yang berkaliber, berpotensi dan mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang tinggi.

4. Saya tekankan cabaran ini kerana negara tidak lagi dapat menerima atau berpuashati dengan anggota-anggota Perkhidmatan Awam yang mediocre. Rakyat yang rata-rata lebih celek dan lebih berpengetahuan dari tahun-tahun yang lampau menaruh harapan yang tinggi terhadap Perkhidmatan Awam. Mereka mengharapkan perkhidmatan yang lebih baik, lebih cepat dan lebih mesra. Mereka mengharapkan nasihat dan tunjuk ajar tanpa disergah. Mereka juga ingin melihat pegawai-pegawai menjalankan tugas penguatkuasaan dengan berani dan tegas sesuai dengan undang-undang negara.

Rakyat akan hilang kepercayaan kepada Kerajaan sekiranya pegawai-pegawai hanya berdiam diri dan takut mengambil tindakan ke atas mereka yang terang-terang melanggar undang-undang, seperti melakukan pembakaran terbuka, mencerooboh tanah Kerajaan, mencuri pasir dan sebagainya. Di samping itu Kerajaan juga mengharapkan Perkhidmatan Awam yang cekap bagi menentukan daya saing negara tetap terpelihara supaya Malaysia terus menjadi satu destinasi yang menarik bagi pelabur asing, dan pelancong antarabangsa serta sebagai pusat pendidikan dan teknologi tinggi. Tiap-tiap negara di rantau ini berlumba-lumba menawarkan berbagai insentif untuk menarik pelaburan asing dan kegiatan ekonomi yang lain. Tidak lagi seperti dulu di mana Malaysia adalah di antara sebilangan kecil yang memberi kemudahan dan insentif menarik kepada pelabur asing. Dalam keadaan persaingan hebat

sekarang ini, Perkhidmatan Awam yang cekap dan efficient merupakan satu asset yang boleh memberikan competitive edge kepada negara.

5. Atas kesedaran inilah maka berbagai-bagai usaha pembaharuan pentadbiran telah dilaksanakan dalam perkhidmatan awam. Misi utama daripada langkah-langkah pembaharuan tersebut ialah untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi merangsangkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya saing dan daya tahan negara ke arah pencapaian matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

6. Saya sedar bahawa bukanlah suatu perkara yang mudah untuk melaksanakan tanggungjawab Y.Bhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan dalam membuat pemilihan calon-calon yang berkualiti. Tetapi saya yakin pengalaman, komitmen dan kewibawaan Y.Bhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan adalah merupakan asset penting yang dapat membantu urusan pemilihan dan perlantikan calon-calon ke Perkhidmatan Awam sebagaimana yang diharapkan. Selain daripada itu perubahan sistem pengambilan khususnya yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuka lembaran baru dalam sejarah urusan perlantikan calon-calon menjawat jawatan awam di negara kita. Sistem yang saya maksudkan iaitu ialah Sistem Mengambil Sepanjang Masa (SMSM).

7. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia atas pelaksanaan sistem ini yang telah memendekkan tempoh sesuatu urusan pengambilan daripada 17 minggu kepada 8 minggu. Perubahan ini telah meningkatkan keberkesanan sistem pengambilan yang diamalkan yang dengan secara langsung menonjolkan imej Perkhidmatan Awam yang cemerlang. Ini adalah suatu perkembangan yang amat memberangsangkan dalam era kemajuan teknologi maklumat. Dengan perubahan sistem ini juga membolehkan Suruhanjaya menjalankan tanggungjawabnya dengan cara yang lebih terancang dan mampu memberi saingan kepada sektor swasta untuk mendapatkan calon-calon yang berkualiti untuk memasuki Perkhidmatan Awam. Keupayaan dan keberkesanan sistem ini tidak perlu diragui walaupun ianya baru diperkenalkan kerana sistem ini telah mendapat pengiktirafan Kerajaan dengan memenangi hadiah Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam tahun 1997.

8. Perubahan dalam sistem pengambilan yang saya nyatakan di atas adalah diharapkan agar ianya dapat menjadi penggerak dan pendorong kepada Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri untuk turut sama melakukan perubahan yang sewajarnya dalam sistem pengambilan masing-masing. Kesan perubahan yang menyeluruh terhadap Sistem Pengambilan di negara kita akan dapat dirasa apabila kesemua Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan dan negeri-negeri mengamalkan satu sistem pengambilan bersepadu berteraskan Sistem Mengambil Sepanjang Masa.

9. Sistem pengambilan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah dapat menempa nama. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia diharap dapat memberi bantuan dan tunjuk-ajar kepada Kementerian dan Jabatan yang telah diberi kuasa untuk melaksanakan pengambilan calon-calon bagi jawatan Kumpulan Sokongan. Kelewatan urusan pengambilan yang dilaksanakan Kementerian dan Jabatan akan menjejaskan nama baik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia kerana urusan pengambilan adalah fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Orang awam tidak dapat membezakan sama ada urusan pengambilan itu dibuat oleh Suruhanjaya atau oleh Kementerian/Jabatan.

10. Mungkin untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menjadi lebih berkesan lagi dalam melaksanakan fungsi-fungsinya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam patut mengkaji peraturan-peraturan yang digunakannya sekarang. Peraturan-peraturan yang lapuk yang tidak dapat memenuhi kehendak semasa dan akan datang perlu diubahsuai atau dimansuhkan dan digantikan dengan yang baru supaya tidak lagi menjejaskan keperluan pengambilan di sektor awam. Dalam era di mana sumber tenaga kerja mahir amat terhad dan dalam situasi pembangunan negara yang amat pesat maka urusan pengambilan perlu dibuat dengan cepat dan terancang melalui peraturan-peraturan yang ringkas. Selain itu, segala urusan kerja perlulah dirancang ke arah pengurusan paperless dengan penggunaan komputer di semua peringkat. Saya sarankan supaya Suruhanjaya melihat ke atas aspek-aspek ini dengan serius. Dengan

pengalaman yang ada pada ahli-ahli Suruhanjaya baik di peringkat Persekutuan mahupun Negeri saya pasti peraturan-peraturan baru dinamik dapat diterokai.

11. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah di atas usaha-usaha Y.Bhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan- tuan dan Puan-puan bagi menjayakan Persidangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Yang Kelima ini dan dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan persidangan yang kelima ini.